

NOTA

KATA SENDI NAMA *di* DAN *pada*

Kata sendi nama (KSN) *di* dan *pada* sering mengelirukan pengguna Bahasa. Untuk mengelakkan kekeliruan ini, kita mestilah dapat membezakan rumus penggunaanya.

Rumus Penggunaan KSN *di* dan *pada*

KSN *di*

KSN	Digunakan	Ayat contoh
<i>di</i>	Untuk tempat	1. Mereka berada <i>di</i> rumah

KSN *pada*

KSN	Digunakan	Ayat contoh
<i>pada</i>	untuk masa, manusia, binatang benda abstrak dan benda konkrit tertentu	1. Kami akan bertolak <i>pada</i> pukul lima petang. 2. Wang adik ada <i>pada</i> ibu. 3. <i>Pada</i> pandangan saya, filem itu mempunyai nilai-nilai moral yang sangat baik. 4. Ubat telah disapukan <i>pada</i> bahagian kakinya yang luka

LATIHAN

Isi tempat kosong dengan kata sendi nama **di** atau **pada**.

1. Sekolah saya terletak _____ kawasan perumahan yang padat penduduk.
2. Pusat pemeriksaan Kastam _____ pintu masuk utama lapangan terbang amat penting untuk mengelakkan penyeludupan.
3. Besi cangkuk _____ kayu alang rumah nenek sudah berkarat benar
4. Kunci rumah yang ada _____ abang tadi di atas peti sejuk.
5. Petinju _____ tengah gelanggang itu berbadan sasa dan sangat tangkas.